





Struktur Dokumentasi Pengurusan Aset Kerajaan (PAK)




Transisi & Strategi Pengurusan Aset Menyeluruh



Struktur Tanggungjawab Pengurusan Aset Kerajaan


# DOKUMENTASI PENGURUSAN ASET KERAJAAN




Untuk keterangan lanjut sila hubungi :



Urusetia Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan  
Aras 2, Blok C Lama,  
Ibu Pejabat JKR Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 KUALA LUMPUR  
  
Phone: 03-2610 7501  
Fax: 03-2692 6511  
E-mail: [jpak@jkr.gov.my](mailto:jpak@jkr.gov.my)  
Website : <http://www.jpak.jkr.gov.my>





## DASAR PENGURUSAN ASET KERAJAAN (DPAK)



**D**asar Pengurusan Aset Kerajaan menjelaskan hala tuju, prinsip dan strategi pelaksanaan pengurusan aset yang perlu dipatuhi oleh setiap agensi kerajaan.

### Objektif:

1. Pewujudan aset bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan kerajaan;
2. Pengurusan aset dilaksanakan secara sistematis, holistik dan lestari untuk mencapai faedah aset yang optimum;
3. Maklumat aset yang sistematis, berintegriti dan mudah dicapai; dan
4. Amalan PAM dilaksanakan dan dipantau.

### Strategi Pelaksanaan :

#### A. Tadbir Urus

- i) Tanggungjawab Pegawai Pengawal
- ii) Laksana kajian semula pengurusan

#### B. Sistem & Proses


- i) Kenalpasti Aset
- ii) Guna pakai pendekatan PAM
- iii) Mewujudkan tatacara PAK
- iv) Ukur tahap prestasi perkhidmatan aset
- v) Lapor status pengurusan aset

#### C. Teknologi


- i) Sistem Pengurusan & Pemantauan Aset
- ii) Galakkan penyelidikan dan pembangunan

#### D. Sumber Manusia

- i) Pegawai yang berkelayakan dan kompeten
- ii) Kawal selia kapasiti penyedia perkhidmatan dalam pengurusan aset
- iii) Memupuk budaya penyenggaraan



## MANUAL PENGURUSAN ASET MENYELURUH (MPAM)



**M**anual Pengurusan Aset Menyeluruh merupakan panduan oleh semua kementerian/jabatan dalam melaksanakan Pengurusan Aset Menyeluruh.

**MPAM** menjelaskan tanggungjawab dan amalan yang khusus mengikut klasifikasi aset berikut :

- a) Aset Tanah
- b) Aset Infrastruktur, Bangunan & Aset Alih Khas
- c) Aset Alih & Aset Hidup

### Tadbir Urus MPAM


- JKR dipertanggungjawabkan sebagai badan tadbir urus

### Penguatkuasaan MPAM

- a) Aset Alih & Aset Hidup - Kem. Kewangan
- b) Aset Infrastruktur & Bangunan - JKR
- c) Aset Tanah - KPTG
- d) Aset Infra (Pembetungan) - Kem. Tenaga, Air & Komunikasi

### Pemakaian MPAM

- a) Diguna pakai untuk semua Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan
- b) Tertakluk penerimaannya, dokumen ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Ber-



## TATACARA PENGURUSAN ASET TAK ALIH (TPATA)



**T**atacara Pengurusan Aset Tak Alih merupakan dokumen peringkat ketiga dalam Struktur Dokumentasi Pengurusan Aset Kerajaan. Ianya menjelaskan kaedah mengurus aset tak alih bagi fasa penggunaan dan pelupusan aset.

### Objektif TPATA :

1. Menyediakan maklumat aset yang lengkap bagi tujuan perancangan pembangunan dan kawalan penggunaan aset tak alih;
2. Memastikan pengurusan operasi dan penyenggaraan yang berkesan untuk meningkatkan jangka hayat aset serta pulangan pelaburan yang tinggi kepada Kerajaan;
3. Menyediakan bajet pengurusan aset tak alih yang lebih tepat dan strategik; dan
4. Memastikan pengukuran prestasi dan penarafan secara sistematis bagi mengoptimalkan nilai aset dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

### Struktur Tadbir Urus PATA

1. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
2. Urusetia JPAK
3. Pegawai Pengawal
4. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
5. JKPAK (Fasiliti)
6. Unit Pengurusan Fasiliti